

RAHSIA KERUKUNAN HIDUP RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN

[RAHSIA KERUKUNAN HIDUP RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

DILEMA LARANGAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN



DILEMA LARANGAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN

Perkembangan sosio-politik terkini telah menimbulkan polemik berkaitan isu ini. Biarpun begitu banyak dalil dan nas dari quran dan hadis yang menetapkannya, namun masih ada pihak-pihak yang mencari alasan untuk 'membenarkannya'.

Kita mengakui beriman dengan mengikut alquran dan sunnah. Nabi SAW sudah jamin dalam khutbah terakhir baginda bahawa jika kita ikut kedua-duanya (bukan salah satu), akan dijamin kita tidak akan tersesat selamanya. Ironinya, walaupun banyak firman dan hadis yang menetapkan larangan ini, namun kita masih ingin mencabarnya.

Sunnah Nabi SAW adalah praktis baginda sejak dari menerima wahyu pertama hingga wafatnya. Tiada sejarah yang diriwayatkan adanya baginda atau khulafa' ar-Rasyidiin melantik pemimpin dan ahli syuro umum dari kalangan wanita. Bahkan begitu bernilainya wanita sahingga ia wajib dihijabkan agar terpelihara dari tatapan umum. Bagaimana pula boleh ia dijadikan pemimpin umum yang pastinya akan mempamerkan diri di khalayak ramai?

DALIL YANG MELARANG DAN RASIONALNYA

Umum mengetahui bahawa terdapat kekurangan pada diri wanita itu pada fizikalnya, akal nya, dan emosi yang akan mempengaruhi fikirannya. Wanita juga mempunyai halangan-halangan tertentu, seperti perlukan mahram ketika bermusafir, tidak boleh menjadi wali, datang haid, hamil, menyusukan anak dan nifas. Itu fitrah penciptaan yang telah Allah SWT jadikan.

Pemimpin pula bekerja tidak tentu masa. Ia perlu mengambil tahu berkenaan keadaan rakyat yang memerlukan dia bermusafir ke wilayah jajahan serta bercampur gaul dengan orang ramai. Ada kalanya pemimpin perlu memimpin tentera dalam jihad, atau bersemuka dengan musuh untuk melaksanakan perjanjian.

Dalam Islam, pemimpin juga WAJIB mengikat baiat dengan umat dan kelompok-kelompoknya, samada lelaki maupun wanita, semasa aman maupun perang. Ini sangat tidak sesuai dengan keadaan wanita mengikut syarak.

Selain dari tiadanya amalan itu di zaman Rasulullah SAW, ia juga tidak pernah disaksikan oleh Ijmak di zaman para Khalifah al-Rasyidin dan Imam-imam kurun yang tiga. Padahal dalam

kalangan mereka juga terdapat wanita-wanita yang terpelajar dalam ilmu agama yang menjadi rujukan dalam ilmu-ilmu al-Quran, hadis, dan hukum-hakam.

DALIL BERIKUT INI MENEGASKAN KEPIMPINAN DARI KALANGAN LELAKI, ATAU MELARANG PERLANTIKAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN SECARA MUHKAMAT.

Abu Bakrah r.a. berkata, tatkala ada berita sampai kepada Nabi SAW bahawa bangsa Parsi melantik puteri Kisro (gelaran raja Parsi dahulu) menjadi raja, baginda lantas bersabda,

“Suatu kaum itu tidak akan berjaya apabila mereka menyerahkan kepemimpinan mereka kepada wanita”. (HR. Bukhari no. 4425, juga Imam at-Tirmizi, Imam an-Nasaie’)

“Sebaik-baik saf untuk laki-laki adalah paling depan sedangkan paling buruknya adalah yang paling belakang, dan sebaik-baik saf untuk wanita adalah paling belakang sedangkan paling buruknya adalah yang paling depan.” (HR. Muslim no. 440)

Berikut ini kami senaraikan dalil naqli dari alquran yang jelas menampakkan lelaki sebagai susuk pemimpin yang telah ditetapkan.

QS:4. An Nisaa’ 34. ***“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain...”***

QS:4. An Nisaa’ 11. ***“Allah mensyari’atkan bagimu tentang anak-anakmu iaitu: bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan; ..”***

QS:16. An Nahl 43. ***“Dan Kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali lelaki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui”***,

QS:21. Al Anbiyaa’ 7. ***“Kami tiada mengutus rasul rasul sebelum kamu melainkan beberapa orang-laki-laki yang Kami beri wahyu***

kepada mereka, maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tiada mengetahui”.

QS:24. An Nuur 37. **“Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak oleh jual beli dari mengingati Allah, dan mendirikan solat, dan berzakat..”** (wanita ada masanya uzur, tidak solat)

QS:6. Al An'aam 9. **“Dan jika Kami jadikan seorang malaikat, tentulah Kami jadikan dia seorang laki-laki ..”** (pemimpin yang berkuasa harus bersifat neutral, gagah dan ia ada pada lelaki).

QS:7. Al A'raaf 141. **“..Mereka (Firaun dan kaumnya) membunuh anak-anak lelaki dan membiarkan hidup wanita-wanitamu. Dan pada yang demikian itu cobaan yang besar dari Tuhanmu.”**

QS: 12. Yusuf 109. **“Kami tidak mengutus sebelum kamu, melainkan orang laki-laki yang Kami berikan wahyu kepadanya diantara penduduk negeri.,,”** (pemimpin adalah utusan rakyat).

QS: 14. Ibrahim 6. **“.. mereka (pengikut Fir'aun) menyembelih anak-anak laki-lakimu, membiarkan hidup anak-anak perempuanmu; dan pada yang demikian itu ada cobaan yang besar dari Tuhanmu.”**

QS: 28. Al Qashash 4. **“Sesungguhnya Fir'aun .. menyembelih anak laki-laki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya Fir'aun termasuk orang-orang yang berbuat kerusakan”.**

QS: 37.Ash Shaaffaat 150. **“Atau apakah Kami menciptakan malaikat-malaikat berupa perempuan dan mereka menyaksikan?”**

DALIL BERIKUT INI MENGKIASKAN KEPIMPINAN DARI KALANGAN LELAKI, ATAU MELARANG PERLANTIKAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN SECARA MUTSYABIHAT.

“Sesungguhnya dunia itu adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solihah.” (HR. Muslim no. 1467)

“Siapa saja wanita yang memakai wangi-wangian kemudian melintasi suatu kaum supaya mereka itu mencium baunya, maka wanita itu telah dianggap melakukan zina dan tiap-tiap mata ada zina.” (HR. Nasaii ibn Khuzaimah & Hibban).

“Bersikaplah yang baik terhadap wanita karena sesungguhnya mereka diciptakan dari tulang rusuk. Bahagian yang paling bengkok dari tulang rusuk tersebut adalah bahagian atasnya. Jika engkau memaksa untuk meluruskan tulang rusuk tadi, maka dia akan patah. Namun, jika kamu membiarkan wanita, ia akan terus bengkok, maka bersikaplah yang baik terhadap wanita.” (HR. Bukhari no. 5184)

“Aku tidak pernah melihat orang yang kurang akal dan agamanya yang mampu meluluhkan hati seorang laki-laki yang tegas kecuali kalian (wanita).” Mereka (para wanita) bertanya: ***“Apa yang menyebabkan kurangnya agama dan akal kami, wahai Rasulullah?”*** Beliau menjawab:

“Bukankah persaksian wanita seperti setengah persaksian seorang lelaki?” Mereka menjawab: ***“Ya.”*** Beliau menjawab: ***“Maka itulah yang dimaksud kurang akalnya. Bukankah apabila wanita haid, ia tidak solat dan puasa?”*** Mereka menjawab: ***“Ya.”*** Beliau bersabda: ***“Itulah yang dimaksud kurang agamanya.”*** (HSR. Bukhari 364 dan Muslim 79)

“Dan wanita menjadi pemimpin di rumah suaminya, dia akan dimintai pertanggungjawaban mengenai orang yang diurusnya.” (HR. Bukhari no. 2409)

“Janganlah kalian melarang wanita-wanita kalian dari masjid-masjid, akan tetapi rumah-rumah mereka adalah lebih baik untuk mereka.” (HR. Abu Daud dan Ibnu Khuzaimah; SHAHIH).

“Sesungguhnya wanita adalah aurat. Sehingga ketika ia keluar rumah, ia akan disambut oleh syaithan. Dan kondisi yang akan lebih mendekatkan dirinya dengan Rabbnya adalah ketika ia berada di rumahnya.” (HR. Ibnu Khuzaimah; SHAHIH)

QS:Al-Ahzab-33:33. ***“Dan hendaklah kamu (para isteri) tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah yang dahulu...”***

QS: Al-Baqarah-2:228 ***“.. orang-orang lelaki mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan.”***

QS; An Nisaa’-4:32. ***Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Karena) bagi orang laki-laki ada bahagian dari pada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.***

QS;Al Baqarah-2:282 ***“Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (di antaramu). Jika tak ada dua oang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu ridhai, supaya jika seorang lupa maka yang seorang mengingatkannya.”***

* * *

Mana mungkin wanita yang bersifat hiasan dan pada dasarnya bengkok mahu disamakan dengan fungsi lelaki yang bersifat qowwam dan tegak? Jika dasar sifat asal wanita itu sudah bengkok dan memerlukan faktor luaran untuk meluruskannya, bagaimana mungkin boleh kita mendapat kepimpinan yang lurus?

Musuh utama Allah seperti Firaun, Abu Jahal, Abu Lahab dan lain-lain semuanya lelaki. Demikian juga perosak negara dan penjenayah dari dahulu hingga kini. Jika ada wanita pun banyaknya dalam bentuk hasutan dan fitnah sahaja. Bagaimana pemimpin wanita mahu berhadapan dengan musuh-musuh lelaki begini?

Lebih penting lagi menyentuh urusan penjagaan anak-anak. Ia sangat sesuai dengan fitrah wanita yang halus dan teliti. Anak-anak yang terdidik bakal membentuk watan negara yang

baik. Sekiranya wanita berkelayakan ini memimpin institusi keluarga, dan lelaki yang berkelayakan pula memimpin sebuah negara dan rakyatnya dibentuk oleh wanita, maka ini sangat ideal. Ia saling sokong menyokong. Ini sangat tepat dengan mahunya Allah dan sunnah RasulNya serta tepat pula menurut hukum akal.

Jika wanita keluar memimpin, maka anak dan suami akan terbiar dan liar. Akhirnya umat menjadi liar dan sukar dipimpin. Hari ini wanita terlalu berhasrat memimpin negara sedangkan anak dan suaminya terbiar liar menjadi perosak Negara akibat terlepas dari jagaan yang terbaik. Tidakkah terlalu banyak contoh begini di depan mata sekarang?

DALIL YANG MEMBENARKAN & PEMANSUHANNYA

Ramai yang keliru dengan fatwa dari golongan ulamak akhir zaman yang mengharuskan perlantikan wanita sebagai pemimpin. Ideologi ini banyak dikaitkan dengan pengaruh liberalisma dan pluralisma. Antara yang paling diikuti ialah fatwa peribadi dari Dr. Yusof al-Qaradhawi.

Kami telah membuat carian dan mensyurokan analisisnya. Di antara dalil yang mereka gunakan dengan meluas ialah dengan memetik kisah Puteri Balqis, Sultanah Aceh, kepimpinan Aishah r.a. dalam perang Jamal dan beberapa potong ayat quran yang ditakwil sebagai memberikan kelonggaran wanita untuk memimpin.

Di samping ianya suatu amalan yang tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW, kami juga dapati hujjah yang dikeluarkan tidak secara berjamaah ini mudah disangkal. Kerana itu jika kita perhatikan betul-betul jelaslah takwil ayat-ayat yang dirujuk itu tidak dari Allah dan Rasullullah SAW.

QS:An-Nisa-4:82 *"Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al-Qur`an? Kalau kiranya Al-Qur`an itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya."*

Antara contoh hujjah utama yang diguna oleh golongan yang menyokong ialah mengambil contoh kepimpinan Puteri Balqis (QS. An-Naml:23-24), yang dipetik dari firman berikut,

An-Naml 23-24: ***“Sesungguhnya aku menjumpai seorang wanita yang memerintahkan mereka, dan dia dianugerahi segala sesuatu serta mempunyai singgasana yang besar. Aku mendapati dia dan kaumnya menyembah matahari, selain Allah; dan syaitan telah menjadikan mereka memandang indah perbuatan-perbuatan mereka lalu menghalangi mereka dari jalan (Allah), sehingga mereka tidak dapat petunjuk”***,

Kita harus baca kisah ini secara keseluruhan. Kesimpulan ringkasnya ialah, kepimpinan Puteri Balqis itu adalah sebelum beliau beriman. Jelas kelihatan ia menjadi takut dan menyerah kalah dengan mudah melalui jalan pintas iaitu dengan menawarkan hadiah kepada nabi Sulaiman a.s.. Akhirnya beliau dikalahkan oleh Nabi Sulaiman a.s., seorang LELAKI utusan Allah. Jadi, kami tidak nampak mengapa ini boleh dijadikan hujjah untuk mempengaruhi umat membenarkan wanita menjadi pemimpin?

Adapun hujjah mencontohi kepimpinan Ummul Mukminin A'isyah r.ha dalam peristiwa perang Jamal sangat rapuh. Pertama ia berlaku selepas Nabi SAW wafat yang memang telah mewasiatkan agar beliau tidak keluar rumah. Keduanya kerana beliau sendiri mengaku tersilap dan kesal. Bukanlah beliau keluar untuk berperang tetapi untuk mendamaikan. Apa yang berlaku adalah fitnah dan kekeliruan angkara kaum munafiqin.

Dalil akal terkini merujuk kepimpinan Sultanah Aceh juga rapuh. Selain ia membawa kekalahan, ia juga berlaku jauh dari sirah Rasul. Selain dalil besar itu, dalil-dalil mereka yang lain seperti berikut ini juga terlalu rapuh untuk menghalalkan apa yang jelas telah nabi tegah ini.

Surah At-Taubah:71 yang mengatakan ***“..lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang***

lain..>>> Ini merujuk kepada peranan bersama membentuk keluarga dan warganegara. Wanita melahir dan mendidik di rumah agar lelaki lebih mudah memimpin anak watan yang terdidik itu di luar.

Al-Baqarah: 228, ***"isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama.."*** dalil ini dimansuhkan oleh ayat itu sendiri kerana di hujungnya Allah katakan, ***"..lelaki mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan.."***.

HAD KEPIMPINAN WANITA

"Dan wanita menjadi pemimpin di rumah suaminya, dia akan diminta mempertanggungjawabkan mengenai orang yang diurusnya."
(HR. Bukhari no. 2409)

Ini adalah antara batasan kepimpinan yang jelas telah dinukilkan selain dari begitu banyak hadis dan firman yang lain. Kerana itu pihak-pihak yang mengharuskan kepimpinan wanita turut mensyaratkan yang berikut :-

a. Dr. Yusof al-Qaradhawi menyatakan syarat kepimpinan wanita adalah mereka terbukti tidak gagal dalam mengurus anak-anak dan suami. Beliau meletakkan syarat umur 45 ke atas.

b. Tiada pemimpin lelaki yang lebih layak untuk menyandang jawatan tersebut ketika itu.

c. Pemimpin wanita ini tidak membuat keputusan secara peribadi dalam memutuskan hal-hal besar negara, bahkan mestilah membuat keputusan secara kolektif dan syuro bersama pemimpin pelbagai peringkat. Ini merujuk kisah Puteri Balqis yang sebenarnya belum Islam ketika sunnah kepimpinannya dirujuk.

d. Wanita yang terlibat dalam hal kepimpinan sudah tentu akan berlaku percampuran yang banyak dengan kaum lelaki maka, menjadi kewajiban baginya untuk memelihara adab-adab Islam semasa keluar rumah seperti berhijab dengan sempurna, sentiasa ditemani mahram, tidak berwangian dan semua larangan syarak.

Ini yang hampir mustahil untuk dipenuhi.

e. Mendapat kebenaran suami dan wali.

f. Wanita hanya boleh memimpin kalangan wanita, khususnya dalam hal ehwal kewanitaan sahaja. Ini bukanlah diskriminasi Islam terhadap wanita. Ia adalah satu keadilan, iaitu meletakkan sesuatu kena pada tempatnya, sesuai dengan fitrah penciptaan wanita.

KESIMPULAN

Para pengamal liberalisme dan '[Sister In Islam](#)' (SIS) yang berusaha keras untuk mengangkat hak wanita menjadi sama rata seiring lelaki perlu dibendung. Fahaman ini telah meluaskan legasi Amina Wadud yang dengan berani bertindak melanggar batasan syariat dengan mengimami solat, walhal belakangnya disertai makmum lelaki. Janganlah kita terikut-ikut fitnah Dajjal ini.

"Barang siapa yang menyerupai suatu kaum maka ia termasuk dari mereka." (HR. Abu Dawud dan dishahihkan oleh Ibnu Hibban).

Bagaimana harus kita terima wanita sebagai pemimpin sedangkan fitrah mereka sendiri memerlukan wali berupa lelaki sejak dari dalam rumah lagi. Walaupun Mariam yang melahirkan Isa a.s, tetapi Isa yang jadi nabi dan rasul, tidak Mariamnya. Begitu juga Siti Hajar yang melahirkan Ismail.

"Apa saja yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah dia dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkannya..." (Al-Hasyr: 7)

Ketetapan tidak melantik pemimpin di kalangan wanita ini jelas dalam quran dan adalah amalan Nabi SAW hinggalah jatuhnya empayar Islam Uthmaniyyah. Ia seharusnya menjadi pegangan kita sampai bila-bila.. Mengingkari perkara ini, bererti kita mempertikaikan keadilan penciptaan Allah Ta'ala terhadap manusia seluruhnya!


Akhirnya bagi yang bertanya, pegangan kami adalah wanita tidak layak dilantik sebagai pemimpin. Jika dengan begitu banyak dalil dan huraian di atas masih ingin kita langgar, maka bersedialah menerima kifarahnya. Kami telah kongsikan hidayah ini dan kemi berlepas diri.

Hasil iqra – WARGA PRIHATIN

MEE SEGERA DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTRA

Post by [Warga Prihatin](#).

ADAKAH SEDEKAH ORANG ISLAM SAMPAI KEPADA YANG DIBANTU?



SEDEKAH – YANG MANA LEBIH ISLAMIK? Petang kelmarin, salah seorang dari pengasas RPWP menghadiri jemputan ceramah di Johor Bahru. Di dalam penerbangan, menggunakan Firefly beliau sembang panjang tentang modus operandi RPWP dengan penumpang di sebelahnya, seorang 'somebody'. Beliau adalah insan yang sangat prihatin dan aktif dengan aktiviti kebajikan dan sukarelawan.

Satu perkara yang telah lama terfikir oleh kami ini terpacul dari mulut beliau apabila beliau menyatakan kekecewaan tentang bantuan sedekah orang Islam dibandingkan dengan Kelab Rotary dan Lions. Mungkin ini agak kontroversi jika anda hanya baca sehingga ke perenggan ini.

PERBANDINGAN ANTARA ISLAM DAN ISLAMIK

Kami mahu bawa semua pembaca berfikir. Dalam artikel kami ramai yang tulis di ruang komen pengalaman pahit tentang penyelewengan sedekah. Di media juga tidak henti-henti pembongkaran kes-kes yang sama dan kami sendiri juga ada banyak pengalaman secara langsung. Anda juga mungkin terbaca

kes penganiayaan terang-terangan yang menggunakan nama 'derma dan kebajikan' yang menimpa anak-anak kami baru-baru ini.

<http://prihatin.net.my/2013/12/23/kisah-benar-hakikat-mengherdik-anak-yatim/?lang=en>

Islam itu yang terbaik dan 'segala yang baik itulah Islam (selamat dan sejahtera)". Fakta yang individu itu nyatakan ialah tentang bagaimana sedekah orang Islam jika datang dari tangan pemberi RM100, yang sampai kepada orang yang mahu kita bantu hanyalah sekitar RM10 sahaja. Selebihnya telah terbelanja di tengah jalan.

Contoh mudah ialah pungutan sedekah itu sendiri. Sebahagian besar daripada kutipan itu akan menjadi komisyen mereka yang mengutip sedakah / zakat itu sendiri. Kadarnya pula agak tidak munasabah, tidak seperti konsep AMIL yang Nabi SAW tunjukkan (baca di hujung). Itu tidak termasuk kos pentadbiran yang sangat tinggi seperti penggajian ribuan pekerja, penyenggaraan bangunan, pembinaan pejabat, bayaran iklan publisiti dan pelbagai lagi aktiviti-aktiviti yang bermodal.

Kemudian beliau bandingkan pula dengan institusi Rotary atau Lions Club. Mereka mengumpulkan Professional & Pemimpin-pemimpin syarikat dan organisasi di dalamnya.

MENGAPA MEREKA PILIH PERSONALITI DARI GOLONGAN INI?

Golongan ini sudah kecukupan. Mereka mempunyai dana sendiri yang cukup, mereka tidak perlukan komisyen atau upah untuk kerja mengutip derma dan melakukan kerja-kerja kebajikan. Mereka ini barulah boleh dipanggil sukarelawan yang benar-benar dipanggil sukarela. Kesemua mereka telah faham untuk menjalankan kerja sukarelawan ini dengan SEPENUH HATI dan bukan sekadar asal-asalan sahaja. Jika tidak, keahlian mereka boleh dikaji semula.

Keahlian Rotary Club bukannya terbuka semudah-mudahnya. Keahlian tidak boleh berlaku jika tiada rekomendasi atau

penajaan dari ahli sedia ada. Kata orang putih "Not any Tom, Dick & Harry" boleh menyertai pertubuhan ini. Itupun, mereka berjaya mengumpulkan keahlian seramai 1.22 Juta orang di seluruh dunia dan mereka ini bukanlah golongan gelandangan yang hidupnya tak tentu arah. Mereka adalah golongan di lapisan atas hirarki sosial dunia.

Jaringan di dalam Rotary Club ialah sebagai bentuk imbuhan yang TIDAK WAJIB. Ya, dengan keahlian itu mereka dapat membina jaringan dengan perjumpaan setiap minggu secara bertaqwim. Itulah konsep "Solat Jumaat" yang pernah kami rungkai sebelum ini. Jika mereka tidak aktif dalam kerja-kerja sukarela dan hanya semata-mata menangguk laba dari jaringan yang ada di dalamnya, mereka akan dikeluarkan kerana hanya pandai menuai tetapi tidak mahu menanam.

Jika dibandingkan dengan sukarelawan Islam, berapa kerapkah kita berjumpa? Adakah perjumpaan itu menggunakan wang sendiri atau menggunakan dana yang telah dikutip dari orang lain? Jika ahli kelab Rotary bermesyuarat di hotel, atau mungkin berjumpa di kelab-kelab eksklusif pun, mereka belanjakan wang dari saku mereka, bukan dari dana kelab yang dikhususkan untuk bantuan kemanusiaan.

Individu di dalam pesawat dari JB itu juga menyatakan pernah kecewa kerana hanya mampu melihat tetapi tidak mampu untuk mengubahnya. Beliau berani katakan banyaknya sibodoh yang mahu tunjuk pandai tanpa ada central leadership yang qowwam. Ada contoh jelas tentang ini dalam satu organisasi 'charity' atas nama Islam di peringkat antara bangsa yang turut bertapak di Malaysia. Gaji pengarah dan kakitangan mereka melampau-lampau tingginya sedangkan mereka menggunakan 100% dana sumbangan.

Contohnya dalam kes misi bantuan ke Syria. Jutaan RM yang dikutip digunakan untuk membeli barang bantuan yang sangat banyak dan dihantar menggunakan kapal yang akhirnya sampai ketika tarikh luput telah berlalu. Ada barangan yang tidak luput tetapi menjadi sampah sahaja kerana tidak menjadi

keperluan oleh penerima.

Mari kita buat perbandingan sebelah menyebelah. Jika bantuan ke Syria yang terkumpul ialah RM1 Juta. Kemudian ia melibatkan pembelian berbanding pemindahan dana ke negara berjiran dengan Syria untuk pembelian bekalan. Pasti masa dan dana dapat dijimatkan, khasnya kos logistik seperti pengangkutan dan kos pengurusan jual beli. Itu tidak termasuk pembelian yang tidak amanah. Contohnya pembelian berharga RM50 diberikan bil RM100 sementara yang RM50 lagi untuk masuk saku sendiri.

Rotary Club berkonsepkan "1 Dollar diberi, 1 Dollar yang sampai". Di antara pemberi dan penerima adalah VOLUNTEER / SUKARELAWAN yang memang bekerja tanpa gaji. Malah, mereka sendiri yang memodalkan kerja kebajikan itu. Sebab itu sangat kurang selera untuk menyeleweng kerana sumbangan yang mereka belanjakan itu pun wang dari saku mereka juga.

Sistem kutipan sedekah Orang Islam pula jika diber RM10, yang sampai hanya RM1 sahaja. Kami sangat menyetujui FAKTA ini kerana kami juga banyak pengalaman dan kami ada data-datanya. Mengapa begitu? Kerana kita TIADA VOLUNTEER YANG SEBENAR. Ramai sukarelawan kita yang bergaji, berelaun, berupah, berkomsyen dan bekerja dalam pejabat mewah yang juga menggunakan dana sedekah dan bukan menggunakan dana sendiri.

Ramai sukarelawan Islam pada hari ini bukanlah bekerja untuk menjadi sukarelawan, tetapi banyak (walaupun tidak semua) yang kami lihat menerima lebih dari apa yang mereka beri. Ada yang bermasalah untuk mendapat kerja yang baik kemudian menyertai gerakan-gerakan sukarelawan yang memberikan mereka elaun.

Ini semua sudah hilang ketulenan sebagai sukarelawan. Orang Bukan Islam membuat kerja sukarela dan mereka sendiri mengeluarkan infaq yang besar. Sistem infaq pendapatan 10% anjuran Islam itu mereka yang komited untuk laksanakan. Sebab itu tabungan dana mereka banyak. Kita sendiri yang Islam ini tidak sudi melakukannya. Buat kerja sukarela siap dapat elaun

dan menyelewengkan dana lagi. Sampai tidak larat kita nak dengar kes-kes penyelewengan sebegini sekarang ini. Malu bukan?

PRINSIP DAN MODUS OPERANDI RPWP

Dalam penerbangan itu WAKIL kami sempat menerangkan bahawa konsep Rotary Club itu sangat mirip dengan apa yang kami laksanakan. Kami ditubuhkan dengan dana dan aset kami sendiri keseluruhannya. Sehingga hari ini, kami masih dengan kumpulan SEKITAR 20 ORANG pengasas yang sama. Sedekah kami tidak minta dengan paksa, tetapi bila orang datang memberi kerana sukahati dengan kami, kami tetap alu-alukan dan hargainya kerana memang kami ingin kongsi hasilnya kepada semua. Apapun, kami tetap meneruskan konsep PUASA, terus berjimat cermat untuk mendapatkan keberkatannya. Sesudu simen tumpah yang bernilai 10 sen pun kami kutipnya semula.

Untuk menampakkan konsep IKHLAS yang kami prinsipkan sebagai KHOLAS, berhabis atau ALL OUT, maka kami berhabis harta dan diri kami sendiri untuk bangunkan Rumah ini. Sebelum terhasil bukti dari kerjabaat kami dahulu, kami tersembunyi dan tidak dikenali sehinggalah pada tahun ke-8 kami ditubuhkan. Selepas itu barulah sedikit demi sedikit masyarakat umum nampak. Kami terus istiqomahkan dan sejak akhir-akhir ini, khususnya sejak hujung tahun lepas, umum mula memBENARKAN hasil usaha ini dengan bersedekah untuk berkongsi 'pahala' demi mempercepatkan perkembangan RPWP membangun semula praktis agama melalui anak-anak ini.

Mereka yang hadir atau mengikuti perkembangan RPWP tahu bahawa semua dana sedekah 100% digunakan untuk pembelaan asnaf dan anak yatim seperti yang diakadkan. Kami teruskan usaha dalam keadaan berpuasa dan berjimat cermat. Umum perasan perkembangan RPWP hari demi hari. Itu tanda zakat mereka itu berkat dan diberkati. Pengasas yang berhabis harta juga turut membanting tulang bertahun-tahun. Semua perbelanjaan diputuskan dalam syuro, tiada langsung ruang penyelewengan.

Seperti apa yang ditulis dalam akhbar Berita Harian ruangan Famili pada 18 April 2014. Di RPWP, semua pengasasnya duduk di rumah yang sama, melakukan kerja apa saja bersama-sama, pakai jenis baju yang sama, makan makanan yang sama dan naik kenderaan yang sama dengan anak-anak. Selain dari berhabis harta, mereka juga jadi murobbi, pengurus, malah menjadi pemandu serta buruh binaan rumah yang dibina secara gotong royong ini. Walaupun mereka bergelar doktor, CEO, usahawan, pensyarah universiti di luar sana, namun konsep sukarelawan yang tulen itu menjadikan mereka ini bekerja setiap hari semenjak 2005 dahulu tanpa satu sen pun gaji di RPWP.

Kami berpuasa dari bermewah-mewah untuk peribadi. Kami salurkan semua hasil puasa itu sebagai sedekah untuk pembangunan, kesihatan dan pendidikan anak-anak yatim dan asnaf ini. Sebahagian dari pengasas terpaksa berhenti kerja di luar untuk mengabdikan sepenuh masa bekerja di Prihatin tanpa gaji. Namun begitu, mereka tetap kecukupan seadanya, di atas tanggungan dana dari pengasas yang masih bekerja dan menjalankan perniagaan. Kerana itu, sedekah dari orang awam tidak terseleweng, 100% sampai kepada golongan sasaran.

<http://prihatin.net.my/2013/08/29/pengorbanan-impian-seorang-ayah/>

Semua itu hanya terjadi jika ada ketulusan dalam menjadi sukarelawan dan ada perasaan MALU untuk makan wang derma orang ramai. Sukakah kita memberi sedekah RM1000 tetapi yang sampai hanya RM100 dengan kebanyakannya tercipir di tengah jalan? Dalam konsep perbandingan dengan Rotary Club, adakah mereka lebih baik ataupun saluran sedekah orang Islam pada hari ini lebih baik? Tepuk dada, tanya iman.

Etika kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabat r.a. dahulu telah diamalkan oleh golongan bukan Islam. Baginda dan sahabat **HIDUP ALA KADAR SAHAJA DENGAN BIAYA BAITULMAL**. Setiap kali ada baki peruntukan peribadi yang tidak dibelanjakan, mereka kembalikan semula di hujung tahun.

Berapa ramaikah para pengurus zakat dan pemimpin negara kita sanggup berbuat begitu?

<http://prihatin.net.my/2013/12/18/pamplet-baru-bingkisan-kasih-dari-rpwp/>

KESIMPULAN

Kami di Prihatin mengambil uswah terbaik dari praktis sunnah dan contoh etika terbaik dari segenap manusia tidak mengira agama dan bangsa. Kami percaya, segala yang baik itu adalah Islam dan wajar dicontohi, yang buruk itu bukan Islam dan wajar ditinggalkan. Jika kami mampu kutip pelajaran dari mereka, mengapa perlu kita nafikan kebaikannya?

Kemunafikan dan kepalsuan tetap akan terbongkar juga akhirnya. Ia tidak akan kekal lama. Mustahil penyelewengan derma 1.7 juta RM untuk membina surau boleh disembunyikan jika surau tidak terdiri. Masyarakat boleh nilai keikhlasan, ketelusan dan kebenaran atas hasil usaha kita. Apabila masyarakat nampak jelas bahawasanya usaha kita itu di jalan yang benar, sesuai dengan kehendak ALLAH dan SUNNAH melalui hasil kerja kita, InsyaAllah ramailah yang akan tampil membantu dengan sukarela tanpa diminta-minta.

Itulah hakikat **SIDDIQ** (benar) yang disaksikan manusia (**SYAHID/SYAHADAH**) lalu masing-masing membenarkan dengan **SODAQOH** (sedekah). Selapas itu barulah seronok dan puas hati kita sama-sama **BERHAMDALAH**. Barulah puas hati menyebut **SODAQO-ALLAH** dan **SODAQO-RASULULLAH**, bukan sekadar bacaan lafaz sahaja, tetapi melalui **PERLAKSANAAN DAN HASILNYA**.

Diperingkat awal dahulu, Nabi SAW dan sahabat-sahabat juga menegakkan Islam bukan dari sedekah orang ramai. Nabi Muhammad SAW, Saidina Osman, Saidina Umar dan Saidina Abu Bakar RA kesemuanya golongan professional dan pemimpin syarikat. Mereka bukan gelandangan, bahkan orang hebat yang kaya. Bezanya mereka sanggup salurkan kekayaan itu kepada pembangunan Islam, tidak seperti kita yang menjual Islam untuk jadi kaya.

Selepas penyatuan Madinah, Islam sudah menyerlah, barulah dana sumbangan datang mencurah-curah dari orang awam (ansar). Namun kesemuanya juga disalur kepada pembangunan Islam, bukan untuk peribadi. Itulah konsep puasa. Individu seperti Abu Bakar a.s. dan para sahabat lain sewajarnya mampu hidup kaya raya dengan harta mereka, namun sanggup membenarkan (men'siddiq'kan) dengan sedeqah. Keseluruhan harta dan tenaga diserahkan untuk menyokong dakwah Nabi SAW.

Kerja yang dilakukan Abu Bakar a.s. itu adalah kerja tidak bergaji malah memerlukan pelaburan dari sakunya lagi. Tetapi pada hari ini, kita mahu lakukan kerja sukarela dengan pelbagai jenis upah pelbagai bentuk. Kontrak buat bihun dan nasi lemak untuk mesyuarat sendiri pun kita saling berebut.

Dalam masa yang sama, kita mengharapkan **ISLAM ITU TERTEGAK SEMULA**. Bolehkah ia berlaku? Kita sendiri hanya duduk menadah sahaja mengharapkan Islam tegak dengan sendirinya? Ermmmm... lambatlah lagi jawabnya sebab "Allah tidak akan ubah nasib kita tanpa kita bangun berusaha bersungguh-sungguh..."

Mari sama-sama kita bangun menggalang nasib agama demi anak cucu yang bakal kita tinggalkan. Jika tidak sekarang bila lagi? Jika bukan kita siapa lagi? Bukankah Islam itu tinggi? **AL ISLAAMU YA'LU WALA YU'LA ALAIK..?**

WAJARKAH KITA HANYA MEMINTA-MINTA DAN MENGHARAPKAN PIHAK KETIGA? BUKANKAH ALLAH ITU BERDIRI DENGAN SENDIRINYA? WAJAR BUKAN JIKA AGAMA INI DIDIRIKAN DENGAN SIKAP MANDIRI PENGANUTNYA?

Kudap malam minggu,
WARGA PRIHATIN

SISTEM PERLANTIKAN PEMIMPIN YANG TIDAK ISLAMIK



Antara sebab kegagalan kepimpinan masyarakat Islam hari ini adalah kerana kaedah pemilihan kepimpinan yang sudah

TIDAK ISLAMIK

masing-masing bukan sahaja menawarkan diri, malah sanggup

BEREBUT TAHTA

itulah punca banyaknya bencana perpecahan dan adu domba

HILANGNYA FUNGSI SEBENAR INSTITUSI PENASIHAT & PENGUASA DALAM PROSES PERLANTIKAN PEMIMPIN

"Jangan engkau meminta jawatan pemimpin. Sebab jika ia diserahkan kerana permintaanmu, maka tanggungannya akan diserahkan bulat-bulat kepadamu. Sebaliknya jika ia diserahkan kepadamu tanpa permintaanmu, maka engkau akan diberikan pertolongan dalam melaksanakan tugasmu."

"Sesungguhnya demi Allah, kami tidak memberi jawatan pemimpin kepada seorang yang memintanya atau terlalu berkeinginan memegangnya".

"Sesungguhnya kamu akan berminat atau berhasrat terhadap jawatan kepimpinan dan ia nanti akan membawa penyesalan pada hari akhirat."

(HR - Al-Bukhari)

www.prihatin.net.my

SISTEM DAJJAL TELAH MEMBUATKAN KITA TENGGELAM PUNCA

Sedikit sebanyak baki kuasa yang ada di tangan umat Islam kini sedang dikikis dan dihakis oleh Dajjal. Semakin hari keadaan semakin meruncing. Hanya golongan yang meneliti dan mengkaji sahaja yang nampak jelas situasi amat genting ini dan implikasi jangka pendek dan jangka panjang darinya.

SISTEM PERLANTIKAN YANG TIDAK ISLAMIK

Jika pemimpin sudah tidak dilantik mengikut cara Islam, pasti sukar untuk mendapatkan kepimpinan Islamiknya. Anak kecil pun boleh faham dengan begitu banyak hadis yang terkait dengan kesilapan kaedah memilih pemimpin yang sedang kita amalkan ini. Daripada pemilihan pemimpin dalam institusi masjid, organisasi agama dan sosial maupun dalam pembentukan kerajaan,

itulah kebanyakan cara yang kita gunakan. Pemimpin menawarkan atau mencalonkan diri untuk bertanding dan dipilih melalui sistem undi.

Dalam surah al-Maidah (Hidangan) yang menggambarkan Islam itu sudah sempurna, jelas diterangkan kelemahan sistem undi dalam ayat 90 dan 91. Sistem undi itu Allah katakan bakal menyebabkan kita menjadi hamba nafsu, mabuk mengagungkan calon dan kelompok kita melebihi keagungan tuhan. Undi juga menyebabkan kita berpecah-belah, bermusuhan, berjudi dan mempertaruh nasib, melupakan tuhan dan sebagainya.

INSTITUSI PENASIHAT DAN RAJA DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN

Kita ada sistem beraja yang dianjurkan Islam, namun kita campur aduk dengan sistem lain yang menyebabkan kita gagal membina kekuatan dari sistem Islam itu. Kita ada majlis fatwa, dewan ulamak, namun mereka seharusnya menjadi institusi yang bebas dan pro-aktif memerhati benar salahnya segala sesuatu. Mereka seharusnya menjadi penasihat kepada Raja dan memanda menteri, termasuk urusan perlantikan pemimpin dan qadhi, tanpa kepentingan diri kerana merekalah pewaris nabi. Namun kini praktiknya tidak begitu lagi.

Rasulullah SAW berkerja keras menjayakan dakwah baginda. Setelah berjaya, baginda hanya menasihati para pemimpin negara lain untuk menggunakan sistem Islam yang Allah kurnia. Baginda sekadar memberi khidmat nasihat, tidak rakus mengambil alih sebarang kuasa, melainkan terus menyerahkan kepada penyandang sedia ada. Perbalahan dan 'Vacum of power' yang berlaku pada Auz dan Hazraj, Yahudi dan Nasrani hanya memerlukan kebijaksanaan baginda menyatupadukan mereka. Demikian hebatnya Sistem Islam.

Kita pula berbeza. Kita yang ada ilmu kepimpinan tidak sudi menasihati dengan ikhlas. Sebaliknya, sibuk berusaha menumbangkan lawan untuk merampas kuasa. Dengan ancaman itu penyandang pula akan berkeras mempertahankan diri. Maka terus

meneruslah kita bermusuhan tanpa henti. Yang menjadi mangsa adalah rakyat dan kedaulatan negara kita sendiri.

NIKMAT KUASA YANG HILANG TIDAK AKAN KEMBALI LAGI

Cuba pelajari sungguh-sungguh isi surah 53 An-Najm (Bintang), yang hanya ada 62 ayat itu. Allah larang kita meletakkan Tahta(al-Latta), Harta(al-Huza) dan Wanita(al-Manna) sebagai sembah. Namun itulah yang menjadi sasaran kepimpinan kita. Pelajari apa yang Allah kisahkan dalam surah itu, bagaimana telah dihapuskan beberapa negeri dan kaum sebelum ini. Perhatikan bagaimana kisah kaum 'Ad dan Samud, bagaimana kaum Lut, bagaimana kaum Nabi Noh a.s. dan lain-lainnya dibinasakan.

Ingatlah ketetapan Allah yang sudah tetap, ditetapkan dalam kitab. Begitu banyak Allah nyatakan jika kita tidak memikul amanah mengikut manual yang telah ditetapkan, maka Allah akan gantikan kita dengan kaum yang lain. Selepas itu, sekali-kali kita tidak akan berjaya mendapatkan semula kuasa yang telah Allah pindahkan dari kita.

Perhatikan Yahudi yang telah mengkhianati Taurat, Nasrani yang telah mengkhianati Injil. Allah gantikan dengan al-quran dan Allah utuskan insan lain yang bernama Ahmad. Alhamdulillah Rasulullah SAW berjaya membangunkan agama Allah ini dengan sempurna. Namun sepertimana kisah sebelumnya, manusia itu bersifat lalai selalai-lalainya. Demikianlah peristiwa ADAM a.s. yang LUPA, menyebabkan baginda dikirim ke dunia. Itulah kata pokok NASI, asal nama manusia yang mafhumnya PELUPA.

Demikianlah halnya apabila kita telah terlepas kuasa yang Allah kurnia, maka sukar untuk memungkinkan kita merebutnya semula. Israel yang berjaya membeli tanah-tanah Palestine yang dahulunya rakus mengejar harta telah berjaya menindas membunuh umat berdekad lamanya. Aceh, Serambi Mekah Nusantara juga terlalai, sahingga terlantik Snouck Hurgeronge, seorang Mubaligh Kristien yang menyamar alim dengan nama Kiai Haji

Abdul Ghafur dan berjaya menjadi Mufti mereka untuk memesongkan akidah umat. Hingga kini Aceh kehilangan kuasa agama, tidak mampu direbut semula.

Begitu juga Melaka, yang namanya sahaja bermakna Raja, Malik, Kuasa. Dahulunya menjadi Pusat Pemerintahan Wilayah kekuasaan Islam Nusantara. Akibat kelalaian dan adu domba, akibat tamakkan harta dan kuasa, maka kalangan kita sanggup menggadai maruah. Kini melaka yang dahulunya amat besar wilayahnya, kini menjadi negeri paling kecil sahaja. Lambang raja pada namanya juga sudah tiada kerana Melaka sendiri sudah tiada Raja.

Kalau roboh kota Melaka, papan di Jawa kami dirikan. Demikian Islam sudah beralih pusat dari Melaka ke Demak yang bermaksud Darah. Di sana ada Tasik Malaya, di sana juga ada Wali Songo (Wali 9). Samalah juga keadaannya, apabila amanah diabaikan maka kini segalanya sirna dan Islam kehilangan kuasa. Demikian juga Filipina, Indochina, Singapura dan lain-lain yang dahulunya sudah mendapat 'agama' namun kini ghaib semuanya.

SERUAN KAMI – BERSATULAH DENGAN HATI TERBUKA

ISLAM itu penyatuan, 'Ummatun Wahidah'. Janganlah kita lupa akan ancaman Allah yang akan menghancurkan kita, jika amanah memelihara anugerah Islam yang telah Allah kurnia kepada kita tidak dijaga. Carilah jalan untuk menyelamatkan sedikit lagi nyawa-nyawa ikan kuasa yang ada di tangan kita. Janganlah kita hancurkan baki yang ada hanya kerana mementingkan Tahta, Harta dan Wanita. Ingatlah, sekali ia hilang, kita tidak akan berjaya mengembalikannya semula.

Ingatlah juga, tanpa nikmat dari kuasa Islam yang Allah pinjamkan melalui kehebatan agama ini, kita semua tiada apa-apa sama sekali. Sebahagian dari kita yang sedang memegang kuasa sekarang juga jangan lupa, anda di atas sana menumpang nikmat perlindungan agama ini, perlindungan AKTA tubuh negeri dan beberapa institusi yang masih berbaki, yang tidak pasti sampai bila boleh mampu berdiri.

PANGKAT DARJAT TIADA DAULATNYA LAGI

Ingatlah bahawa Islam itu berdaulat. Kita semua kini sedang memerhati dan merasai bagaimana pangkat, tahta yang ada pun sudah tidak dipedulikan, sudah tidak dihormati lagi. 'Yang Maha Mulia' pun sudah tidak dimuliakan. 'Yang Amat Berhormat' sudah tidak dihormati. 'Yang Berhormat' semuanya menjadi bahan caci dan maki. Keadaan kita sudah 50:50. Itulah hakikat kewujudan kelompongan kuasa, 'vacum of power'.

Amat jelas dan membimbangkan sekali fenomena ini. Pelbagai Pangkat dan Anugerah BINTANG KERHORMATAN, yang tersangkut di baju atau disebut di pangkal nama pun sudah dibenci. Semuanya berguguran di bumi pertiwi sendiri.

Surah 53. An Najm (bintang)

- 1. Demi bintang ketika terbenam.**
- 2. Kawanmu tidak sesat dan tidak pula keliru.**
- 3. Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemauan hawa nafsunya.**
- 4. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan.**
- 5. Yang diajarkan kepadanya oleh yang sangat kuat.**
- 6. Yang mempunyai akal yang cerdas; dan menampakkan diri dengan rupa yang asli.**
- 7. Sedang dia berada di ufuk yang tinggi.**
- 8. Kemudian dia mendekat, lalu bertambah dekat lagi.**
- 9. Maka jadilah dia dekat dua ujung busur panah atau lebih dekat lagi.**
- 10. Lalu dia menyampaikan kepada hambaNya apa yang telah Allah wahyukan.**
- 11. Hatinya tidak mendustakan apa yang telah dilihatnya.**
- 12. Maka apakah kaum hendak membantahnya tentang apa yang telah dilihatnya?**

KESIMPULAN

Tidak cukup ruang untuk dihurai semua hasil kajian yang menjelaskan kaedah perlantikan yang perlu dikaji semula.

Cukuplah sedikit gambaran agar kita dapat merenung ke dalam diri dan institusi di mana sahaja kita berada serta sedang memperjuangkannya.

Kembalikanlah kemurnian sistem syuro, saling nasihat menasihati dalam suasana keluarga, dengan tulus kerana kepentingan agama Allah, tanpa kepentingan peribadi. Hentikanlah budaya debat yang menyuburkan amarah, bantah membantah, yang mengekalkan suasana permusuhan dan melemahkan kita. Hidupkanlah semula fungsi ulamak yang berjemaah, bersatu hati meneliti dan menasihati Raja serta Menteri tanpa kepentingan peribadi. Nasihatkanlah perlantikan pemimpin, agar hanya dipilih yang berilmu, sanggup susah dan miskin kerana mempertahankan amanah kepimpinan mereka, bukan yang gila kuasa dan ingin kaya raya.

Semoga Allah masih mahu mengampuni kita dan sudi memberi hidayahnya. Jika tidak, mari sama-sama gali kubur kita, atau bersedia untuk bungkus kain baju, mengembara di bahagian bumi yang lainnya. Ini kerana nikmat yang Allah kurniakan kepada kita di bumi bertuah ini bakal Allah serahkan kepada kaum lain yang lebih mengerti dan berhati suci, DAN pasti kita tidak mampu merebutnya kembali.

Hasil Iqra'
WARGA PRIHATIN

**BUDAYA DEBAT – MENGHAPUSKAN
CARA HIDUP ISLAM**

Surah 2, Al-Baqarah Ayat 139

قل Katakanlah
أتحاجوننا apakah kamu akan memperdebatkan Kami
في tentang
الله Allah
وهو dan Dia
ربنا Tuhan kami
وربكم dan Tuhanmu
ولنا dan bagi kami
أعمالنا amalan kami
ولكم dan bagi kamu
أعمالكم amalan kamu
ونحن dan kami
له kepadaNya
مخلصون orang-orang yang mengikhhlaskan hati



www.prihatin.net.my

Terlalu banyak Allah firmankan bahawa

DEBAT > MELEMAHKAN

ia adalah tabiat SYAITAN, mengikut nafsu

SYURO > MENGUATKAN

ia adalah tabiat Rasul, Arahan Allah

**TAPI MENGAPA "DEBAT" JUGA
YANG KITA PILIH?**

ALLAH @ KITA LEBIH BESAR?



BUDAYA DEBAT – MENGHAPUSKAN CARA HIDUP ISLAM

Sila rujuk juga dalil tambahan:

[Perintah Allah dan Wasiat salafush shâlih untuk meninggalkan debat](#)

Setiap hari kita dimomokkan dengan laporan berita perbalahan, samada sesama kita maupun antara agama dan bangsa. Kebanyakannya melibatkan provokasi dari sebelah pihak yang berkepentingan. Rata-rata kita menangannya dengan menganjurkan debat, demonstrasi, laporan polis dan saman mahkamah. Dengan bangga kita tayangkan kertas laporan dan beritanya depan media. Natiyahnya MENANG JADI ABU, KALAH JADI ARANG.

Kita pun tidak dapat bayangkan bagaimana PDRM dan mahkamah mahu menangani ribuan laporan polis dan saman setiap hari. Kadangkala ia hanya melibatkan urusan remeh temeh pun. Itu tidak termasuk kes-kes jenayah, perceraian dan penipuan yang tidak menampakkan penurunan sama sekali. Semua kaedah tindakan ini tidak lain hanya menerbitkan ketegangan yang berpanjangan.

Di Parlimen kita bertelagah, berdebat, di mahkamah pasti berdebat, sesama sendiri dalam organisasi dan keluarga pun kita sering berdebat. Apa sudah jadi dengan kita?

Kaedah penyelesaian ini adalah kaedah pertelagahan yang menjauhkan kita semua dari titik pertemuan dan penyatuan. Samada kita sedar ataupun tidak, ia adalah budaya **DAJJAL** yang telah jelas Allah larang dalam quran. Berdebat adalah pendekatan satu pihak untuk berhempas-pulas mengalahkan pihak yang satu lagi. Ia adalah budaya perbalahan dan peperangan. **ANAK KECIL PUN TAHU HAKIKAT INI.!**

SYURO JALAN PENYELASAIAN CARA ISLAM

Carahidup yang Allah sarankan ialah budaya musyawarah dan muzakarah. Satu surah Allah lakarkan kepentingan syuro (surah 42, As-Syura). Budaya dan tabiat syuro ini Allah jadikan manual kepada hambanya agar mampu menemukan titik pertemuan.

Suasana Debat, samada dalam majlis atau mahkamah adalah sangat dipengaruhi emosi dan nafsu. Satu pihak mencadang atau menyaman, satu pihak lagi akan membangkang atau mempertahkannya. Hujungnya salah satu harus menjadi mangsa kekalahan dan kekal menjadi musuh yang meneruskan dendam kesumat yang berpanjangan. Jika gambaran Islam itu adalah penyatuan, maka perpecahan yang tidak bernoktah itu adalah gambaran kekafiran masyarakat kita masa kini.

MAJLIS DEBAT ISU KALIMAH ALLAH YANG DIBATALKAN

Jemputan oleh satu pihak dan sambutan dari satu pihak lagi tentang perdebatan ini telah menjadi tumpuan banyak pihak. Apapun kami bersyukur apabila penganjur membatalkan majlis debat ini. isu yang ingin ulas hari ini ialah isu **TABIAT DEBAT** yang sangat merimaskan masyarakat yang dahagakan keharmonian. Pendirian kami mengenai isu Kalimah Allah ini telah pun kami jelaskan sebelum ini. Silalah rujuk tentang kalimah Allah (AL-ILAH) dari link berikut,

<http://prihatin.net.my/2013/10/20/kontroversi-kalimah-allah/>
<http://prihatin.net.my/category/article/sains-quran-sunnah/sains-fatimah/>
<http://prihatin.net.my/2013/09/16/parenting-tidbits-14-bagimana-mengelak-musibah-keluarga/>

Sebenarnya masyarakat Islam di Nusantara, malah seluruh dunia telah TERJERAT sejak sekian lama. Kita terjerat dengan ideologi politik kepartian serta pendirian perkauman dan keagamaan yang sangat bersifat assobiyah secara jahiliyyah. Selama ini kita hanya menggunakan akal fikiran kita dalam menetapkan pelbagai AKTA untuk mempertahankan kepentingan kita. Malangnya semua itu hanya dipimpin oleh kesemua sentimen tersebut, bukan atas dasar wahyu dan iman. Allah terangkan dengan jelas, jika tidak berpedomankan wahyu, pasti apa yang kita tetapkan itu akan dipenuhi KEKHILAFAN.

QS: 4. An Nisaa' 82. ***"Maka apakah mereka tidak mentadaburkan Al Quran? Kalau kiranya Al Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah terdapat padanya KHILAF/PERCANGGAHAN yang banyak."***

Sila rujuk :
<http://prihatin.net.my/2014/01/28/rahsia-kahfi-10-kitab-yang-sudah-jadi-bengkok/>

Hari ini nasib agama, nasib keluarga dan negara hanya mampu kita sandarkan kepada AKTA yang kita sendiri sediakannya dengan penuh sangka-sangka dahulunya. Padahal keutuhan sesebuah negara adalah terletak pada ROH patriotismanya, akidah agama seharusnya terletak pada roh dari kefahaman dan keyakinan wahyunya. Kebahagiaan rumahtangga pula harus bersandarkan kesefahaman yang berpedomankan manual keluarga dari bimbingan agama yang sama. Namun kini semuanya kita serahkan nasibnya pada PDRM dan MAHKAMAH pula. Alangkah malangnya nasib generasi kita!

BIARLAH FIRMAN BERBICARA

Mari perhatikan ayat-ayat Allah bagi menyokong saranan kami

agar para pemimpin di atas sana segera menghentikan budaya debat. Dalam isu Kalimah Allah ini, siapakah kita untuk mendebatkannya sedangkan Allah sendiri telah melarang kita mendebatkan NAMANYA dalam ayat berikut secara jelas. Bukan KALIMAH yang harus didebatkan, tetapi AMALAN kita yang Allah ambil kira.

QS: 2. Al Baqarah 139. ***Katakanlah: "Apakah kamu memperdebatkan dengan kami TENTANG ALLAH, padahal DIA ADALAH TUHAN KAMI DAN TUHAN KAMU; bagi kami AMALAN kami, dan bagi kamu AMALAN kamu dan hanya kepada-Nya kami mengikhlaskan hati.***

QS: 3. Ali 'Imran 20. ***Kemudian jika mereka mendebat kamu maka katakanlah: "Aku menyerahkan diriku kepada Allah dan orang-orang yang mengikutiku." Dan katakanlah kepada orang-orang yang telah diberi Al Kitab dan kepada orang-orang yang ummi (yang tidak arif tentang al-kitab) "Apakah kamu masuk Islam." Jika mereka masuk Islam, sesungguhnya mereka telah mendapat petunjuk, dan jika mereka berpaling, maka kewajiban kamu hanyalah menyampaikan Dan Allah Maha Melihat akan hamba-hambanya."***

BERIKUT INI ALLAH NYATAKAN BAGAIMANA BUDAYA DEBAT YANG SALING MEMBANTAH ITU MELEMAHKAN KITA. IA MEMUPUK RASA ANGKUH DAN SOMBONG SEDANGKAN ALLAH TAHU SEJAUH MANA AMALAN SEBENAR DAN KEIKHLASAN KITA TERHADAPNYA.

QS: 8. Al Anfaal 46 . ***"Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan JANGANLAH KAMU BERBANTAH-BANTAHAN, yang menyebabkan kamu MENJADI GENTAR dan HILANG KEKUATANMU dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang SABAR."***

QS: 8. Al Anfaal 47 – ***"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari kampungnya dengan rasa ANGKUH dan dengan maksud riya' kepada manusia serta menghalangi dari jalan Allah. Dan Allah meliputi apa YANG MEREKA KERJAKAN."***

SYAITAN ITU SENGAJA ALLAH CIPTAKAN. KITA SEMUA TIDAK SEDAR BAHAWA SYAITAN ITU HANYALAH DICIPTAKAN ALLAH DARI TABIAT DAN

HAYALAN NAFSU SERAKAH KITA SENDIRI. IA ADALAH MAKHLUK UNTUK MENGUJI KITA SAHAJA. OLEH ITU JANGANLAH KITA JADI BODOH DAN TERTIPU.

QS: 8. Al Anfaal 48 – ***“Dan ketika syaitan menjadikan mereka memandang baik pekerjaan mereka dan mengatakan: “Tidak ada seorang manusiapun yang dapat menang terhadapmu pada hari ini, dan sesungguhnya saya ini adalah pelindungmu.” Maka tatkala kedua pasukan itu telah dapat saling lihat melihat, syaitan itu balik ke belakang seraya berkata: “SESUNGGUHNYA SAYA BERLEPAS DIRI DARIPADA KAMU, SESUNGGUHNYA SAYA DAPAT MELIHAT APA YANG KAMU SEKALIAN TIDAK DAPAT MELIHAT; SESUNGGUHNYA SAYA TAKUT KEPADA ALLAH.” DAN ALLAH SANGAT KERAS SIKSA-NYA.”***

BERIKUT INI ALLAH AJARKAN KITA BERHUJJAH. IA TERGAMBAR DALAM RITUAL HAJI, KONVENSI ISLAM SEDUNIA. BAGAIMANA TARBIAH ILMU DALAM BERHUJJAH TENTANG ALLAH DAN ISLAM DI PERINGKAT TERBUKA. SEBAIK-BAIK BEKALAN DALAM BERHUJJAH IALAH KEMURNIAN TAKWIM/PROGRAM AGAMA YANG KITA TAKWAKAN. ITULAH KETAKWAAN KITA YANG BAKAL MEMBUKA MATA DUNIA, BUKAN DENGAN KEFASIKAN LIDAH, MAKI HAMUN DAN PERDEBATAN KITA.

QS: 2. Al Baqarah 197. ***“HAJI adalah beberapa bulan yang dimaklumi, barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh RAFATS (memaki hamun), BERBUAT FASIK (menipu) dan BERBANTAH-BANTAH (debat) di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu KERJAKAN berupa KEBAIKAN, niscaya Allah mengetahuinya. Berbekallah, dan sesungguhnya SEBAIK-BAIK BEKAL ADALAH TAKWA dan bertakwalah kepada-Ku hai orang-orang yang BERAKAL”.***

QS: 40. Al Mu'min 47. ***Dan ketika mereka berbantah-bantah dalam neraka, maka orang-orang yang lemah berkata kepada orang-orang yang menyombongkan diri: “Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikutmu, maka dapatkan kamu menghindarkan dari kami sebagian azab api neraka?”***

QS: 40. Al Mu'min 48. ***Orang-orang yang menyombongkan diri***

menjawab: "Sesungguhnya kita semua sama-sama dalam neraka karena sesungguhnya Allah telah menetapkan keputusan antara hamba-hamba-(Nya)."

QS: 40. Al Mu'min 49. Dan orang-orang yang berada dalam neraka berkata kepada penjaga-penjaga neraka Jahannam: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu supaya Dia meringankan azab dari kami barang sehari."

QS: 40. Al Mu'min 50. Penjaga Jahannam berkata: "Dan apakah belum datang kepada kamu rasul-rasulmu dengan membawa keterangan-keterangan?" Mereka menjawab: "Benar, sudah datang." Penjaga-penjaga Jahannam berkata: "Berdoalah kamu." Dan doa orang-orang kafir itu hanyalah sia-sia belaka.

QS: 40. Al Mu'min 56. Sesungguhnya orang-orang yang memperdebatkan tentang ayat-ayat Allah tanpa alasan yang sampai kepada mereka tidak ada dalam dada mereka melainkan hanyalah kebesaran yang mereka sekali-kali tiada akan mencapainya, maka mintalah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

QS: 40. Al Mu'min 4. Tidak ada yang MEMPERDEBATKAN tentang ayat-ayat Allah, kecuali orang-orang yang kafir. Karena itu janganlah pulang balik mereka dengan bebas dari suatu kota ke kota yang lain memperdayakan kamu.

QS: 40. Al Mu'min 5. Sebelum mereka, kaum Nuh dan golongan-golongan yang bersekutu sesudah mereka telah mendustakan dan tiap-tiap umat telah merencanakan makar terhadap rasul mereka untuk menawannya dan mereka MEMBANTAH dengan yang batil untuk MELENYAPKAN KEBENARAN dengan yang batil itu; karena itu Aku azab mereka. Maka betapa pedih azab-Ku?

QS: 2. Al Baqarah 133. Adakah kamu hadir ketika Ya'qub kedatangan maut, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apa yang kamu sembah sepeninggalku?" Mereka menjawab: "KAMI AKAN MENYEMBAH TUHANMU DAN TUHAN NENEK MOYANGMU, IBRAHIM, ISMAIL DAN ISHAQ, Tuhan Yang Maha Esa dan kami hanya tunduk patuh

kepada-Nya”.

QS: 2. Al Baqarah 134. Itu adalah umat yang lalu; baginya apa yang telah diusahakannya dan bagimu apa yang sudah kamu usahakan, dan kamu tidak akan diminta pertanggung jawaban tentang apa yang telah mereka kerjakan.

(APA YANG BERLAKU TELAH BERLAKU. JANGAN KITA MENUDING JARI. MARI KITA ATUR LANGKAH TERBAIK UNTUK MENGATASINYA. ELAKKAN MENUDING JARI. KITA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM PERDEBATAN INI ADALAH 2X5, SAMA SAJA)

QS: 2. Al Baqarah 135. Dan mereka berkata: “Hendaklah kamu menjadi penganut agama Yahudi atau Nasrani, niscaya kamu mendapat petunjuk”. Katakanlah : “Tidak, melainkan AGAMA IBRAHIM YANG LURUS. Dan bukanlah dia dari golongan orang musyrik”.

QS: 2. Al Baqarah 136. Katakanlah: “Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Isma’il, Ishaq, Ya’qub dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhannya. Kami tidak membeda-bedakan seorangpun diantara mereka dan kami hanya tunduk patuh kepada-Nya”.

KESIMPULAN

Budaya berbantah-bantah dan saling membangkang yang menjadi asas DEBAT bukanlah budaya Islam dan amat dimurkai Allah. Ia adalah budaya dan amalan yang kasar anjuran sikafir Dajjal yang terang-terang menyukarkan usaha penyatuan dan tidak membawa kebaikan sama sekali.

Ingatlah jika anda bawa budaya debat, laporan Polis, mahkamah, Demonstrasi dan seumpamanya, anda sedang menkobarkan api neraka, keresahan, dendam kesumat dan permusuhan. Mudah-mudahan jika ia melibatkan perkahwinan, tindakan itu pasti berakhir dengan perceraian. Dalam konteks masyarakat dan negara juga

begitu. Akhirnya kita semakin bermusuhan, berpecah belah dan lemah lalu terhapus dari mukabumi.

QS: 42. Asy Syuura 38. Kaedah terbaik yang Allah sarankan untuk menyuburkan keharmonian, kasih sayang, hormat menghormati dan penyatuan ummah ialah syuro. ***“Dan orang-orang yang mematuhi seruan Tuhannya dan mendirikan solat, urusan mereka adalah dengan musyawarat di antara mereka; dan mereka menafkahkan sebagian dari rezki yang Kami berikan kepada mereka.”***

Bukan sebutan maupun tulisan kalimah Allah yang harus kita pertahankan. Tetapi perintah dan tahap ketakwaan dari takwim yang Allah tetapkan itu yang harus kita daulatkan. Janganlah lagi mengharapkan mahkamah, Polis dan AKTA ciptaan kita sendiri untuk mempertahankan KULIT akidah dan kepentingan agama. marilah bangunkan semula asas agama yang kukuh, iaitu melalui kefahaman ilmu yang meyakinkan kita. Itulah ROH IMAN yang bakal menjadi pokok akidah yang sempurna dan kekal selamanya.

QS: 42. Asy Syuura 52 – ***Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu roh dengan perintah Kami. Sebelumnya kamu TIDAKLAH MENGETAHUI APAKAH AL KITAB dan TIDAK PULA MENGETAHUI APAKAH IMAN ITU, tetapi Kami menjadikan Al Quran itu cahaya, yang Kami tunjuki dengan dia siapa yang kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya kamu benar- benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus. .”***

Hasil iqra

WARGA PRIHATIN

TIPS OBM – MENANGANI KRISIS ORGANISASI DAN KELUARGA



TIPS OBM – MENANGANI KRISIS ORGANISASI DAN KELUARGA

Apabila kami utarakan fenomena WASWIS dan TAJASSUS dalam siri artikel Tips Mengurus Tabiat Organisasi (OBM) baru baru ini, ramai yang bertanya apa cara menanganinya. Sebenarnya dalam setiap artikel telah kami sertakan kaedah menanganinya, malang mungkin sebahagian anda tidak perasan atau tidak membaca sampai ke hujung. Kali ini biar kami ringkaskan jalan penyelesaian melalui analogi yang telah Allah umpamakan sebagai lalat dan nyamuk ini.

Bagi yang lupa atau belum baca artikel kita sebelum ini, waswis itu “cakap belakang” tanpa melalui saluran syuro / meeting. Sementara TAJASUS itu pula ialah “mencari keburukan” juga tanpa melalui syuro.

MENANGANI LALAT

Bagi tabiat lalat, telah kami katakan dengan jelas jalan penyelesaiannya ialah nyahkan punca bau busuk dan hanyir. Ini boleh dilakukan dengan selalu menyapu dan membersihkan pejabat, atau mulkiah organisasi secara muhkamatnya. Jangan biarkan orang luar atau anggota organisasi masuk bangunan dengan kasut yang tidak disucikan. Mungkin mereka baru keluar dari tempat buang air, terpijak najis dan sebagainya di luar sana.

Lebih penting lagi khususnya jika organisasi anda jenis yang memerlukan Standard GMP (Good Manufacturing Practice) kerana terlibat dengan pemerosesan makanan dan minuman atau ubat-ubatan untuk keperluan manusia. Jika perlu anda mungkin kena buat sistem 'foot dipping' atau celupan kaki atau kasut dalam air yang ada disinfektan. Banyak juga kilang yang meminta semua anggota menukar terus kasut, pakaian, atau menyarung pakaian luar yang disediakan khas sebelum sesiapa masuk ke dalam kilang mereka.

Secara mutasyabihat bau busuk dan hanyir atau kotoran najis itu adalah isu dan maklumat yang dibawa dari luar. Ia boleh disucikan dengan konsep syuro dan dipan-dipan secara rutin harian. Ketua organisasi harus cekap menghidu anasir sebegini dan harus tegas dan berani mencantasnya.

Pakaian adalah analogi sistem yang kita guna. Ramai orang luar yang terpengaruh dengan sistem yang mereka jumpa lalu kembali kepada organisasi dan memperlekehkan sistem dalam organisasi sendiri tanpa melalui peroses syuro. Kerana itu amat perlu sekali setiap individu yang ingin bersama ke dalam organisasi itu sanggup mengenakan pakaian yang sama. Jika mereka tidak sanggup, itu adalah satu pertanda yang sudah ada bibit keingkaran dalam individu itu secara azali. Individu seperti ini haruslah dinafikan dari berada dalam organisasi.

MENANGANI NYAMUK

Secara muhkamat, nyamuk ini hanya menyedut sedikit darah serta

membuat bising dan merimaskan sahaja. Kapasiti nyamuk tidak akan sekali-kali mampu membuatkan kita jadi kekurangan darah (anemia) tetapi nyamuk menyebarkan virus yang merosakkan sel sel darah itu. Inilah bahaya nyamuk, iaitu membawa penyakit yang kesannya amat menular.

Pada asasnya nyamuk memerlukan air bertakung untuk membiak jentik-jentik. Jadi jalan mengatasinya ialah dengan membuang semua air bertakung, meletakkan ubat jentik-jentik atau menghalau nyamuk dengan erosol atau menyekat kehadiran mereka ke premis kita dengan jaring / netting.

Secara analogi mutasyabihat, keupayaan ahli organisasi bersifat nyamuk ini juga begitu. Mereka tiada keupayaan untuk menumbangkan organisasi yang diserang dengan keupayaan mental dan fizikalnya. Namun nyamuk ini menggunakan jarumnya menyuntik dakyah dengan nyanyiannya. Akhirnya semua anggota akan terpengaruh lalu berpenyakit hati dan lemah semangat. Itu yang melemahkan prestasi dan boleh meruntuhkan organisasi.

Dalam analogi air bertakung, segala maklumat atau ilmu yang boleh dianalogi sebagai air itu tidak dialirkan, maka ia akan jadi tempat nyamuk nyamuk ini membiak. Aliran air atau ilmu itu juga boleh dilakukan dalam rutin syuro yang istiqomah. Dalam syuro, segala kekeliruan, kebuntuan, fitnah, visi dan misi organisasi boleh dialirkan. Apabila semuanya dapat maklumat, semua bebas memberi cadangan, tiada yang buntu dan bingung, tiada yang tertekan, maka semua akan aman dan tenang membawa fungsi diri.

ANALOGI TINDAKAN PEMIMPIN ORGANISASI MENANGANI NYAMUK/LALAT

Nyamuk dan lalat ini tiada adab dan tatasulila. Mereka hidup berkeliaran tanpa aturan dan pengatur, bahkan suka-suka masuk ke rumah-rumah tanpa adab dan izin. Nyamuk tiada rumah khusus dan fungsi diri yang teratur dalam sebuah rumah yang berpengatur. Tidak seperti lebah dengan tentera dan ratunya. Bagi nyamuk, di mana ada TEMPAT GELAP dan terselindung, di

situ mereka berkoloni. Lalat pula, di mana ada bau busuk dan hanyir, di situlah dia berkoloni dan bertelur.

Di mana saja nyamuk dan lalat hinggap, disitu akan berlaku kerosakan. Tidak seperti lebah yang memberi manfaat di mana saja ia berkoloni kecuali JIKA IA DIGANGGU. Hasil koloni lebah yang hidup teratur dengan kepatuhan kepada pengatur rumah atau ratu adalah MADU yang berhasiat. Sewaktu mengutip madu dari pelbagai bunga, lebah juga tidak memudaratkan bunga, malah membantu pendebungaannya. FENOMENA LEBAH inilah yang disarankan Allah. Satu surah Allah nukilkan tentangnya.

Mungkin ini satu tips ATAU perumpamaan mudah. Jika Allah buat perumpamaan orang yang waswis dan tajasus ini umpama lalat yang menghurung najis. Saiznya kecil tetapi sangat mengganggu. Bayangkan ada seekor lalat di dalam kereta anda, mesti tension betul tak? Solusinya ialah buka sahaja tingkap sampai lalat itu terbang dek angin luar kereta. Jika dilayankan kita bersilat dengan Si Lalat ini, mahu EKSIDEN kereta kita masuk longkang.

Lalat dan nyamuk memang "annoying" tetapi ia bukanlah lawan kitapun. TIPS menangani golongan ini ialah "BIARKAN" dan teruskan sahaja berjalan. Yang penting ialah jauhkan diri dari lalat dan nyamuk, jangan sekali kali biarkan mereka hinggap kita dengan apa cara sekalipun.

Bayangkan, lawan ULTRAMAN ialah RAKSASA yang saiznya sama, kekuatannya hampir sama. Barulah berbaloi nak dilawan kerana memang lawannya. Tetapi jika yang mencari pasal dengan Ultraman ini ialah seorang budak kecil dan ultraman pun melayaninya, itu satu bukti ataupun satu pengiktirafan budak kecil itu SEKUAT DAN SETARA dengan Ultraman itu sendiri. Bila Ultramen bertindak, Tokyo akan turut hancur. Jadi jika anda jadi pemimpin, jangan memusnahkan organisasi kerana hendak melawan nyamuk/lalat. Itu tidak berbaloi.

KESIMPULANNYA BIARKAN LALAT DENGAN NAJIS-NAJIS YANG MEREKA

SUKAI. UNTUK NYAMUK, JIKA MEREKA MENYELINAP MASUK KE RUMAH KITA, HALAU ATAU PUKUL SAJA DENGAN SURAT KHABAR. KALAU DATANG BAWA GENG, KITA SEMBUR SAHAJA DENGAN AEROSOL. JANGKA HAYAT SERANGGA INI TIDAK PANJANG, SEKITAR 2 MINGGU MEREKA AKAN MATI SENDIRI PUN. YANG PENTING BUANGKAN AIR-AIR BERTAKUNG SUPAYA MEREKA TAK MEMBIAK.

Banyak sekali ayat yang menyokong nukilan ini. Sebelum ini telah banyak kami petik dan huraikan. Jika sudi sila baca ayat-ayat dari surah 3. Ali 'Imran yang berikut, ia jelas dan tidak perlukan banyak huraian.

131. Dan peliharalah dirimu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang ingkar.

132. Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat. (Nabi saw wajibkan taati ketua, rujuk QS: 4/59).

133. Dan BERSEGERALAH KAMU KEPADA AMPUNAN dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa,

134. orang-orang yang menafkahkan baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang MENAHAN AMARAHNYA DAN MEMA'AFKAN orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.

135. Dan orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain dari pada Allah? DAN MEREKA TIDAK MENERUSKAN PERBUATAN KEJINYA ITU, SEDANG MEREKA MENGETAHUI.

136. Mereka itu balasannya ialah ampunan dari Tuhan mereka dan surga yang di dalamnya MENGALIR SUNGAI-SUNGAI, sedang mereka kekal di dalamnya; dan itulah sebaik-baik pahala orang-orang yang beramal. (Jangan biar maklumat bertakung, selagi ia mengalir, selagi itu jemaah akan tenang).

137. Sesungguhnya telah berlalu sebelum kamu sunnah-sunnah

Allah; Karena itu berjalanlah kamu di muka bumi dan PERHATIKANLAH BAGAIMANA AKIBAT ORANG-ORANG YANG MENDUSTAKAN.

138. ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, dan petunjuk serta pelajaran bagi orang-orang yang bertakwa. (sediakan takwim/rutin syuro, hendaklah BERTAKWA, istiqomah melaksanakan takwim itu).

139. Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah kamu bersedih hati, padahal KAMULAH ORANG-ORANG YANG PALING TINGGI, jika kamu orang-orang yang BERIMAN.

140. Jika kamu mendapat luka, maka sesungguhnya kaum itupun mendapat luka yang serupa. Dan masa itu Kami pergilirkan di antara manusia dan SUPAYA ALLAH MEMBEDAKAN orang-orang yang beriman supaya sebagian kamu dijadikan-Nya syuhada'. Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim,

141. Dan agar Allah MEMBERSIHKAN ORANG-ORANG YANG BERIMAN dan MEMBINASAKAN ORANG-ORANG YANG INGKAR.

142. Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk surga, padahal BELUM NYATA BAGI ALLAH ORANG-ORANG YANG BERJIHAD DI ANTARAMU dan belum nyata orang-orang yang SABAR.

143. Sesungguhnya kamu mengharapkan mati sebelum kamu menghadapinya; sungguh kamu telah melihatnya dan kamu menyaksikannya. (MELAKUKAN TABIAT NYAMUK DAN LALAT INI SAMA DENGAN BUNUH DIRI, SEBAB ANDA AKAN MATI DENGAN SENDIRI SEPERTI JANGKAHAYAT SERANGGA INI).

Sekian Tips Mudah hari ini.

WARGA PRIHATIN

Tips OBM – Tajassus

Surat Al-Hujurat Ayat 12	
يا ايها الذين امنوا	wahai orang-orang yang beriman
اجتنبوا كثيرا من الظن	jauhilah banyak dari PRASANGKA
ان الظن	sesungguhnya
بعض الظن	sebahagian prasangka
انتم	ADALAH DOSA
ولا تجسسوا	dan jangan KAMU Mencari Kesalahan
ولا تكلموا	dan jangan KAMU Mengumpat
بعضكم بعضا	sebagian kamu sebagian
ان يحب احدكم	apakah kamu menyukai salah seorang diantara kamu
ان يأكل من اكل	bahwa memakan
لحم	DAGING
اخيه	SAUDARANYA
ميتا	YANG MATI
فترحموه	maka kamu jujuk padanya dan bertakwalah
وانقوا	Allah
الله	sesungguhnya Allah
ان الله	Allah
تراب	Maha Penerima taubat
رحيم	Maha Penyayang

mengelak fitnah organisasi dari tabiat

TAJASSUS

mencari-cari kesalahan

OBM Organizational Behavior Management
Tips - Pengurusan Tabiat organisasi
<http://prihatin.net.my>
PUSAT ASNAF & KAJIAN SAINS MANUSIA

Tips OBM – Tajassus

Banyak tabiat orang kita yang tidak bermoral dan membuatkan kesatuan dalam jemaah samada dalam institusi keluarga, pejabat, persatuan dan sebagainya menjadi lemah dan runtuh. Alhamdulillah ramai yang memberi perhatian dan meminta kami menghuraikan lebih lanjut “Tips Pengurusan Tabiat Organisasi (OBM)” yang berkaitan tabiat WASWIS dan berpuak-puak yang kami nukilkan baru-baru ini. Jika anda belum membacanya, sila klik link berikut dan bacanya terlebih dahulu –

<http://prihatin.net.my/blog/2014/01/07/perumpamaan-lalat-dalam-pengurusan-organisasi/>

<http://prihatin.net.my/blog/2014/01/13/tips-obm-menangani-krisis-organisasi-dan-keluarga/>

Ingatlah, selagi kita membawa tabiat buruk dalam organisasi atau jemaah, maka kita hanya boleh berada dalam jemaah syaitan yang kotor sahaja. Kita pasti akan tertolak dan terkeluar dengan sendirinya dari jemaah pengabdian yang tunduk patuh kepada Allah dan Rasul. Selagi tabiat syaitan yang kotor itu masih bertapak di hati kita, sedangkan itulah bekas untuk menadah hidayah Allah, maka hidayah yang bersih murni dari alquran tidak sekali-kali akan singgah ke hati kita.

QS: 16. An-Nahl, 98.: ***“Apabila kamu membaca Al Quran hendaklah***

kamu meminta perlindungan DENGAN ALLAH dari REGIM SYAITAN”.

TAJASSUS (MENCARI-CARI KESALAHAN/KEBURUKAN)

Hari ini kami ingin menekankan secara khusus tabiat tajassus, iaitu **SEGAJA MENCARI-CARI KESALAHAN**. Tabiat ini menunjukkan ahli kita ada penyakit hati dan ia akan memberikan kesan yang sangat buruk terhadap sesebuah organisasi atau institusi jika tidak dibendung segera. Inilah punca bahan yang dijadikan isu dalam membawa tabiat syaitan iaitu waswis / bisik-bisikan jahat. Ia akan berlanjutan kepada aktiviti umpatan dan fitnah.

Untuk menjelaskan isu ini, kami petik keseluruhan Surah 49(Al-Hujuraat), surah pendek yang telah menerangkan dengan agak jelas (muhkamat) ketetapan Allah tentang ciri munafik, mereka yang palsu pengakuan imannya melalui tabiat **TAJASSUS, UMPATAN, FITNAH, GELARAN BURUK** dan sebagainya.

Untuk memahami dan meletakkan asbab pada diri dan organisasi kita, sila berpegang pada surah 4: ayat 59 iaitu untuk taat kepada Allah, taatilah rasul, jika mahu taati rasul maka taatilah ulil-amri. Oleh itu sila gantikan tempat **RASUL** yang menjadi ulil-amri ketika ayat ini turun kepada **ULIL AMRI** sekarang. Bagi anda yang menjadi ulil amri pula, bertindaklah sepertimana saranan Allah terhadap rasul sewaktu ayat ini diturunkan. Ini sesuai dengan saranan nabi s.a.w tentang pentingnya berakhlak dan taat terhadap ulil-amri. InsyaAllah kita akan dapat mengambil iktibar dan petunjuk dalam menguruskan organisasi kita.

DARI SUDAH 49, AL-HUJURAAT:

1. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan Rasulnya dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

– KENALI ANGGOTA JEMAAH ANDA YANG SUKA MENDAHULUI KETUA(ULIL-AMRI) DALAM MENGELUARKAN FAKTA DAN MEMBUAT KEPUTUSAN. MENINGGIKAN SUARA DAN APA SAHAJA TABIAT YANG ALLAH NAMPAKKAN TERHADAP RASUL DALAM AYAT-AYAT BERIKUT INI.

2. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras, sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak hapus amalanmu, sedangkan kamu tidak menyadari.

3. Sesungguhnya orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa. Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar.

4. Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar kamar kebanyakan mereka tidak mengerti.

– SILA APLIKASIKAN KAMAR SEBAGAI BILIK ATAU JABATAN. KENALI ORANG YANG SUKA MENYIBUK DAN SUKA CAMPURTANGAN URUSAN JABATAN LAIN TANPA DIMINTA KERANA PENYAKIT HATI.

5. Dan kalau sekiranya mereka bersabar sampai kamu keluar menemui mereka sesungguhnya itu lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

6. Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.

– KENALI SIAPA SI FASIK INI. NASIHATKAN AHLI ANDA UNTUK BERTINDAK BEGINI APABILA MENERIMA BERITA DARI MEREKA.

7. Dan ketahuilah olehmu bahwa di kalanganmu ada Rasulullah. Kalau ia menuruti kemauanmu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu mendapat kesusahan, tetapi Allah menjadikan kamu 'cinta' kepada keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan, dan kedurhakaan. Mereka itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus,

– SAMADA DALAM URUSAN KERJA, MAUPUN URUSAN AGAMA, ULILAMRI YANG BERTINDAK MENGIKUT KEMAHUAN MUNAFIK AKAN MENJADI SUSAH. TANPA GANGGUAN MUNAFIK INI SEMUA JEMAAH AKAN MERASA TENANG DAN MENIKMATI IMAN DENGAN AMAN SEJAHTERA TANPA PERGOLAKAN.

8. sebagai karunia dan nikmat dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

– DENGAN ILMU ALLAH ULILAMRI JADI BIJAK UNTUK TAHU DAN KENAL SIAPA MUNAFIK INI.

9. Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang hendaklah kamu damaikan antara keduanya! Tapi kalau yang satu melanggar perjanjian terhadap yang lain, hendaklah yang melanggar perjanjian itu kamu perangi sampai kembali pada perintah Allah. Kalau dia telah surut, damaikanlah antara keduanya menurut keadilan, dan hendaklah kamu berlaku adil; sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil.

– ANDA AKAN KENAL MUNAFIK, YANG KATANYA TAAT DAN BERIMAN, NAMUN SUKAR DIDAMAIKAN.

10. Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.

– RAHMAT ALLAH IALAH BERUPA ALIRAN ILMU DAN HIDAYAH (QS: 55/1-2). MUNAFIK AKAN MENGGANGGU KEMURNIAN MAJLIS ILMU.

11. Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. Seburuk-buruk panggilan adalah yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

– ANTARA CIRI MUNAFIK INI IALAH SUKA MENGEJEK DAN MENGGELAR ORANG LAIN DENGAN BERBAGAI-BAGAI GELARAN. DI FB INI ANDA MUDAH KENAL MEREKA DENGAN KATA-KATA SEPERTI ‘MOHON TERASA’ DAN SEBAGAINYA. ITULAH GAMBARAN PENYAKIT HATI MEREKA YANG MEMANG DENGAN SENGAJA INGIN MEMBUAT ORANG TERASA/SAKIT HATI. MAKA HATI-HATI DENGAN ORANG SEPERTI INI. ALLAH BERFIRMAN, KITA BOLEH KENAL MEREKA MELALUI GAYA BAHASA DAN PERBUATAN MEREKA. HANYA YANG KURANG AKAL SAHAJA TIDAK MAMPU MENILAI PENYAKIT HATI ORANG SEPERTI INI. OLEH ITU ALLAH KATAKAN BAHAWA SAHABAT MEREKA ADALAH DARI GOLONGAN YANG SERUPA.

12. Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka, karena sebagian dari prasangka itu DOSA. Dan janganlah MENCARI-CARI KEBURUKAN ORANG (tajassus) dan janganlah menggunjingkan satu sama lain. Adakah seorang diantara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

13. Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa – bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

– TIDAK SUSAH UNTUK MENGENAL MANUSIA. AHLI YANG BAIK IALAH AHLI YANG BERTAKWA, YANG TAAT DENGAN APA YANG DITAKWIMKAN. MEREKA SEMAKIN BERKASIH SAYANG SELEPAS MENGENAL. MEREKA Mencari kebaikan dari ahli lain. MUNAFIK PULA AKAN MENAMBAH MUSUH SELEPAS MENGENAL KERANA MEREKA SUKA Mencari keburukan pada ahli lain.

14. Orang-orang Arab Badui itu berkata: “Kami telah beriman.” Katakanlah: “Kamu belum beriman, tapi katakanlah ‘kami telah tunduk’, karena iman itu belum masuk ke dalam hatimu; dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Dia tidak akan

mengurangi sedikitpun pahala amalanmu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

– UNTUK BERIMAN MEMERLUKAN PROSES. ANTARA SYARATNYA KITA KENA TUNDUK PATUH SUPAYA ILMU BOLEH DI SAMPAIKAN. RAMAI MUNAFIK YANG TIDAK SEMPAT BERIMAN DAN MERASAI NIKMAT IMAN WALAUPUN BIBIR MENGATAKAN TELAH BERIMAN KERANA KEINGKARANNYA TERHADAP KETUA, TERHADAP SUAMI, TERHADAP IBU BAPA DAN TERHADAP PERINTAH ALLAH DAN RASUL.

15. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka TIDAK RAGU-RAGU dan mereka berjihad dengan HARTA dan JIWA mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar.

– INILAH ANTARA CIRI MUNAFIK. Mencari kesalahan dan menanamkan keraguan ke dada manusia (SURAH 114, AN-NAS).

16. Katakanlah: “Apakah kamu akan memberitahukan kepada Allah tentang agamamu, padahal Allah mengetahui apa yang di langit dan apa yang di bumi dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu?”

– JIKA HIDAYAH ALLAH ITU DITURUNKAN MELALUI RASUL DAN ULIL AMRI/MUROBBI, MAKA MUNAFIK SELALUNYA SUKA TUNJUK PANDAI (THOGHO). BEKAS YANG PENUH TIDAK MAMPU MENADAH AIR.

17. Mereka merasa telah memberi nikmat kepadamu dengan keislaman mereka. Katakanlah: “Janganlah kamu merasa telah memberi nikmat kepadaku dengan keislamanmu, sebenarnya Allah, Dialah yang melimpahkan nikmat kepadamu dengan menunjuki kamu kepada keimanan jika kamu adalah orang-orang yang benar.”

– MUNAFIK SELALU MERASA DIRINYA BESAR, PANDAI DAN PENTING DALAM JEMAAHNYA. DALAM ISLAM, KITA HARUS BERPRINSIP BAHAWA KITA YANG PERLUKAN ALLAH DAN HIDAYAHNYA MELALUI KESATUAN BERJEMAAH, BUKAN ALLAH / JEMAAH YANG PERLUKAN KITA. WALAUPUN KITA RASA KITA PANDAI, KAYA DAN MAMPU MENYUMBANG. ULIL AMRI YANG YAKIN DENGAN SISTEM PENGURUSAN ALAM YANG ALLAH AJARKAN

INI PULA HARUS BERTEGAS/QOWAM MENANGANI GOLONGAN INI.

18. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ghaib di langit dan bumi. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

– DEMIKIANLAH ALLAH MENGETAHUI APA YANG NAMPAK DAN YANG GHAIB, YANG ZAHIR DAN APA YANG ADA DALAM HATI, IAITU MELALUI PEMERHATIAN PERILAKU DAN KATA-KATA KITA.

Kekuatan sesebuah organisasi bergantung kepada kualiti dan didikasi anggotanya. Itulah golongan yang patuh dan mengabdikan kepada arahan ketua tanpa banyak soal. Itulah golongan yang terpuji. Jika anda selaku ulil-amri/abul hakam sesebuah organisasi biarkan golongan munafik dan berpenyakit hati, yang penuh dengan hasad dengki dalam organisasi/keluarga anda, maka usaha membina jemaah yang terpuji itu tidak akan sekali-kali berjaya. Sila perhatikan juga surah 47 Muhammad (Golongan terpuji) yang telah kami petik dalam artikel Tabiat Lalat.

Pendirian kami mudah sahaja. Semua yang Allah nyatakan dalam alQuran adalah sangat tepat. Ia adalah satu ketetapan yang menjadi perintah untuk kita meyakini dan melaksanakannya tanpa soal. Barulah terjamin untuk kita mengecapi nikmat dari apa yang terhasil dari mematuhi segala arahan Allah itu.

Perkongsian Santai OBM

WARGA PRIHATIN